

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : DR022**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tindakan yang akan diambil kepada Kerajaan negeri Pulau Pinang yang meluluskan tambakan laut (*reclamation*) di beberapa kawasan persisiran pantai Pulau Pinang yang menimbulkan kesan negatif kepada alam sekitar dan menjelaskan kesejahteraan kehidupan rakyat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa-apa kelulusan projek termasuk tambakan laut adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian ini. Kelulusan ini adalah di bawah bidang kuasa pihak yang meluluskan samada pihak Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini, melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah diberi mandat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling. Projek penambakan laut adalah merupakan aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan memerlukan kajian kesan kepada alam sekeliling (EIA). Laporan tersebut perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling untuk kelulusan sebelum apa-apa aktiviti dijalankan oleh pihak pemaju projek samada oleh pihak kerajaan atau swasta. Penemuan kajian dalam laporan EIA ini akan membantu pihak yang meluluskan projek dalam membuat pertimbangan ke atas pemberian kelulusan pelaksanaan projek tersebut.

Sekian, terima kasih.